## Latihan Pengukuhan

A. Pilih jawapan yang betul.

1. Kedua-dua pihak yang bermusuhan itu saling ______________ dalam pertempuran itu.
   **A** berbunuhan **B** berbunuh-bunuhan
2. Beburung kelihatan ______________ di angkasa pada waktu senja untuk pulang ke sarang.
   **A** beterbangan **B** berterbangan
3. Para penumpang ______________ ketika menaiki bas untuk pulang berhari raya.
   **A** berasak-asakan **B** berasak-asakkan
4. Kami berjaya keluar dari hutan itu ______________ peta yang dibekalkan kepada kami.
   **A** berdasaran **B** berdasarkan
5. Beliau sering ______________ masalah yang dihadapi oleh penduduk di kampung ini.
   **A** bertanya **B** bertanyakan
6. Kakak bercita-cita ______________ dengan lelaki yang teguh pegangan agamanya.
   **A** bersuami **B** bersuamikan
7. Tetamu yang hadir akan ______________ semasa bertemu dan berpisah dalam majlis itu.
   **A** bersalam-salaman **B** bersalam-salamkan
8. Habis ______________ baju di dalam bakul itu selepas digeledah pencuri.
   **A** berselerakan **B** berselerakkan
9. Adik ______________ kain selimut yang tebal kerana kesejukan akibat hujan.
   **A** berselimutan **B** berselimutkan
10. Segala aktiviti harian beliau ______________ ketuhanan yang esa.
    **A** berperinsipkan **B** berprinsipkan

### 4.2.4 Imbuhan Rangkap memper-, memper-...-i dan memper-...-kan

Imbuhan rangkap ini biasanya wujud dalam bentuk kata kerja transitif yang perlu disertai kata nama sebagai objek. Antara kata yang wujud adalah seperti yang berikut:

| | | | |
|---|---|---|---|
| mempersenjatai<br>memperhambai<br>memperhatikan<br>memperkenalkan | mempertuani<br>memperdengarkan<br>memperjuangkan<br>mempergayakan | memperbaiki<br>mempertontonkan<br>memperlakukan<br>mempersembahkan | memperingati<br>memperdagangkan<br>memperlarikan |



LIVEWORKSHEETS